



**UNIVERSITI
MALAYA**
K U A L A L U M P U R



KERJA KURSUS

JXEA 1101

TAMADUN MELAYU

TAJUK

**BINCANGKAN PERKEMBANGAN, PERANAN, DAN
PERUBAHAN DARI PERSPEKTIF KEBUDAYAAN DAN
TAMADUN MELAYU DI ALAM MELAYU
(KERIS)**

PENSYARAH :PROF.MADYA DATUK ZAINAL ABIDIN BORHAN

TUTOR :CIK SITI SARAH

AHLI KUMPULAN :MUHAMMAD ZULFAQAR BIN REJAB

JEA090059

: SYLVESTER TAWI ANAK MESA

JEA090151



PENGENALAN.....	1-2
BAHAGIAN KERIS.....	3-9
PROSES PENGHASILAN KERIS.....	10-11
ALATAN PERTUKANGAN KERIS.....	12-13
JENIS-JENIS KERIS.....	14-19
PERKEMBANGAN, PERANAN DAN PERUBAHAN.....	20-22
KESIMPULAN.....	23
LAMPIRAN.....	24-26
BIBLIOGRAFI.....	27

PENGENALAN

KERIS

Keris adalah satu senjata yang digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional bagi tujuan mempertahankan diri dan juga dalam berperang untuk melawan musuh. Bagi masyarakat Melayu tradisional, setiap individu mempunyai sekurang-kurangnya sebilah keris sebagai simpanan bagi tujuan untuk mempertahankan diri. Keris bermaksud senjata pendek kebangsaan Melayu yang digunakan 800 tahun dahulu. Senjata ini memang unik dalam dunia Melayu dan boleh didapati di kawasan yang terdapatnya penduduk Melayu seperti Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand Selatan, Filipina Selatan(Mindanao), dan Brunei Darussalam.

Keris merupakan senjata pendek yang digunakan oleh orang Melayu sejak zaman keagungan pemerintahan kesultanan Melayu, pendekar, pahlawan serta kalangan pembesar istana. Keris merupakan sejenis alat kebesaran bagi raja-raja, lambing kekuasaan atau kedaulatan diraja. Antara keris yang menjadi senjata diraja ialah Keris Pendek, Keris Panjang emas dan Keris Tamingsari. Keris mempunyai dua belah mata, melebar, di pangkal dan tirus diujungnya serta tajam. Terdapat mata keris yang lurus dan berlok-lok dengan keindahan pamor serta hulu yang menarik dan juga sarungnya. Keris digunakan untuk mempertahankan diri (misalnya sewaktu bersilat) dan sebagai alat kebesaran diraja. Senjata ini juga merupakan lambing kedaulatan orang Melayu. Keris yang paling mahsyur ialah Keris Taming sari yang merupakan senjata yang digunakan oleh Hang Tuah, seorang pahlawan Melayu yang begitu mahsyur namanya semasa zaman kesultanan Melayu Melaka.

Sebagai sejenis senjata yang disanjung tinggi, sesebilah keris biasanya dihasilkan dengan penuh teliti serta dihiasi dengan ciri-ciri yang indah dan menarik. Oleh kerana keris merupakan satu-satunya elemen yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional, maka tidak hairanlah keris seringkali dikaitkan dengan kesaktian serta kuasa-kuasa luar biasa. Namun begitu, kepercayaan terhadap kuasa-kuasa luarbiasa ini kian lenyap mengikut peredaran masa dan kini penumpuan lebih diberikan kepada nilai-nilai estetika serta fakta-

fakta sejarah yang dikaitkan dengan sesebilah keris. Sesebilah keris itu dianggap lebih bernilai pada masa sekarang sekiranya keris tersebut diperbuat daripada bahan-bahan berharga seperti emas, tembaga dan perak serta dihiasi dengan intan dan permata. Nilainya akan menjangkau lebih tinggi lagi sekiranya sesebilah keris itu disandarkan dengan fakta sejarah serta mempunyai ciri-ciri yang istimewa. Seperti kebiasaannya, orang-orang Melayu memang terkenal dengan kepakaran mereka dalam menghasilkan barangan yang mempunyai mutu seni yang tinggi, dan oleh itu, senjata, khususnya keris tidak terlepas daripada fenomena ini.

Menurut sejarah, asal-usul keris ini datangnya dari Kepulauan Jawa dan keris purba telah digunakan antara abad ke-9 dan abad ke-14. Senjata ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu mata, hulu dan sarung. Keris sering dikaitkan dengan kuasa mistik orang Melayu pada zaman dahulu. Antara lain kepercayaan terhadap keris yang ada ialah kepercayaan bahawa keris mempunyai semangat tersendiri. Berdasarkan catatan sejarah, Sang Guna ialah orang pertama yang telah membuat keris tempa panjang yang berukuran tiga jengkal pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah di Melaka. Unsur logam dan tahi bintang adalah bahan utama dalam menghasilkan keris tersebut.

Menurut amalan tradisional orang Melayu, keris perlu dijaga dengan diperasapkan pada masa tertentu, malam jumaat misalnya. Ada juga amalan mengasamlimaukan keris sebagai cara untuk menjaga logam keris dan juga untuk menambah bisanya.¹

BAHAGIAN-BAHAGIAN KERIS

HULU KERIS

1 Zakaria Abdullah. (2007). *Rahsia keris dan senjata warisan Melayu*. Kota Bharu, Kelantan : D Warisan Darul Naim.



Contoh gambar hulu keris²

Bahagian hulu keris biasanya berukuran sepanjang lebih kurang 15sm, berkeadaan membengkok di bahagian tengahnya seperti bentuk kepala tongkat, diukir dengan tangan sepenuhnya, dan mempunyai nilai estetik Melayu yang diperbuat daripada perdu atau tunjang kayu (Kemuning, Tegor, Tempinis, Sena, Celagi, Petai Belalang, Boai, Lebang, dan Kayu Hitam), gading gajah, tanduk binatang, gigi ikan paus, emas, perak, besi dan kemor (sejenis batu karang). Pelbagai nama telah diberikan kepada setiap hulu keris seperti Anak Ayam Teleng, Anak Ayam Sejuk, Jawa Demam, Kakak Tua, Tapak Kuda dan Pekaka. Penjelmaan reka bentuk menggambarkan kekuatan dan kekuasaan senjata tersebut yang bersifat raksasa dan Garuda. Ragamhias hulu keris kebanyakannya bermotifkan bunga timbul, Awan Larat, Bunga Tebuk, Ketam Guri, bentuk fauna, dan bentuk dewa Hindu dengan imbasan wajah manusia.

² <http://images.google.com.my/images?hl=en&client=firefox-a&channel=s&rls=org.mozilla:en-US:official&um=1&q=hulu+keris&sa=N&start=18&ndsp=18>

Bahagian
Keris³



Hulu

PENDONGKOK KERIS



Contoh gambar pendongkok keris⁴

Pendongkok ialah sebarang cincin yang dipasang di bahagian pangkal hulu keris sebagai perhiasan dan juga pembahagi di antara hulu dan mata keris.

³ <http://sandireja.wordpress.com/2009/08/06/keris/>

⁴ <http://images.google.com.my/images?q=pendongkok%20keris&oe=utf-8&rls=org.mozilla:en-US:official&client=firefox-a&um=1&ie=UTF-8&sa=N&hl=en&tab=wi>

Pendongkok keris yang juga dikenali sebagai dokok, dulang-dulang keris atau memendak diperbuat daripada logam, tembaga, perak, atau emas. Pendongkok dihiasi dengan motif bunga atau tumbuhan dan berukiran bunga dawai pital yang bertatakan batu permata atau ukiran biasa sahaja. Pendongkok dihasilkan melalui teknik-teknik 'filigree', 'repousse' dan juga tebuk, iaitu mengikut kebiasaan pertukangan emas, perak dan tembaga. Pendongkok melekap pada pangkal hulu keris di bahagian permukaan ganja. Sungguhpun pendongkok mempunyai yang agak stereotaip, namun ia dapat dibezakan melalui hiasan-hiasan serta teknik-teknik yang digunakan dalam membentuk hiasan tersebut. Hiasan tatahan batu permata yang dicengkam kukuh oleh gandar-gandar pendongkok merupakan satu aspek yang menarik yang terdapat pada pendongkok keris-keris Melayu.


BILAH KERIS



Contoh-contoh gambar bilah keris⁵

5 http://putra-manut.blogspot.com/2009_09_01_archive.html

Bilah keris pula terdapat dalam pelbagai bentuk dan ukuran. Bilangan lok yang terdapat pada keris selalunya ganjil. Ini dipadankan dengan ciri-ciri keislaman, seperti jumlah rukun Islam (5), bilangan keliling dalam tawaf (7), rukun sembahyang (13) dan jumlah sembah yang lima waktu (17). Kebanyakan keris terdiri daripada jenis yang berlok sama ada tiga, lima, tujuh atau sembilan dan lurus. Terdapat juga keris yang panjangnya berukuran 61sm dengan matanya berbentuk mata pedang seperti keris Sundang, dan ada yang sehingga 29 lok. Tiga perkara yang penting mengenai mata keris ialah rupa awan dan corak pamor, bentuk dan corak bombak yang wujud daripada campuran logam dan nikel. Keris juga diibaratkan sebagai insan oleh sesetengah empunya keris atau pembuat keris dengan memasukkan unsur magis atau penunggu ke dalam senjata tersebut agar senjata tersebut lebih memberikan kekuasaan kepada si pemakainya.



Bahagian-bahagian bilah keris⁶

SARUNG KERIS




Contoh-contoh sarung keris

Sampir dan batang sampir adalah sarung di bahagian ganja dan aring keris. Sampir dan batang sampir berbentuk seperti sampan melintang pada kedudukan

http://202.138.226.22/file2/Wacana_keris/wilahan%20Keris1.jpg

keris. Sampir dan batang sampir diperbuat daripada beberapa jenis kayu sama seperti hulu keris juga dan sesetengah sampir diukir pada kayunya atau disaluti emas atau perak, atau tidak diukir langsung atas sebab corak urat kayu tersebut telah nampak keindahannya. Batang merupakan sarung kepada bilah keris. Batang berbentuk lurus serta agak meruncing sedikit pada hujungnya. Batang diperbuat daripada kayu dan diukir dengan ukiran bermotifkan flora tetapi terdapat juga batang yang tidak diukir. Kebiasaannya, pada hujung batang keris akan disarungkan buntut yang diperbuat daripada perak, emas, tanduk binatang atau gading gajah. Pelbagai jenis keris terdapat di Nusantara Melayu seperti keris Sempena, keris Cerita, keris Picit, keris Tanjung, keris Sulok Belingkong-lok 3, keris Apit Liang-lok 5, keris Jenoya-lok 7, keris Rantai-9 hingga 21 lok, dan keris Andus-23 hingga 29 lok.⁷



⁷ Shah Yub, D. *Mata, keris dan bentuknya*. Kuala Lumpur: Muzium Negara

PROSES PENGHASILAN KERIS



Pandai besi merupakan satu gelaran bagi individu yang terkenal dan mahir di dalam bidang pertukangan besi. Seseorang yang menunjukkan ketokohan dan terbukti kebolehan biasanya diakui sebagai pakar di dalam bidang tersebut. Kemahiran "Pandai Besi" tertumpu kepada usaha menempa senjata tradisonal seperti keris, kelewang chalung, parang, pedang dan sebagainya di samping menghasilkan peralatan pertanian tradisional. Peralatan menempa, motif dan ragam pertukangan serta cara membentuk senjata memperlihatkan kepakaran "Pandai Besi" itu sendiri. Terdapat pelbagai alat yang dihasilkan oleh Pandai

⁸ <http://sandireja.wordpress.com/2009/08/06/keris/>

Besi. Kebanyakan barang-barang yang dihasilkan merupakan alat-alat senjata dan alat-alat yang digunakan untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Antaranya ialah keris, kelewang chalung, pedang, kerambit, golok, cangkul, lembing dan sebagainya

Proses menghasilkan keris melalui beberapa proses tertentu iaitu proses penempaan, membentuk 'belalai gajah', mengikir, menyepuh dan menghasilkan pamor. Besi dibakar dan diketuk secara berturut-turut sebelum dipotong. Setelah dipotong, mata besi itu dipanaskan lagi dan digodam berulang kali. Ini berterusan sehingga bentuk mata seperti mata keris atau kelewang mula terbentuk. Membentuk 'belalai gajah' yang menyerupai seekor gajah dengan kedudukan belalainya di bahagian atas. 'Belalai gajah' ini diketuk selepas di bakar. Kemudian dibiarkan sejuk dan seterusnya dikikir. Proses mengikir adalah bertujuan untuk melicinkan dan menajamkan mata senjata. Senjata yang telah siap ditempa akan dibakar sehingga menjadi merah dan dimasukkan secara melintang ke tempat menyepuh yang mengandungi air. Ia akan dilakukan secara berulang kali. Alat senjata yang telah siap dikikir direndam ke dalam campuran larutan cuka getah dan air. Kemudian dicuci dengan air dan diberus menggunakan sabut kelapa.⁹

9 <http://cikgunasir.blogspot.com/2007/10/kehalusan-seni-pertukangan-tangan.html>

ALATAN PERTUKANGAN KERIS



Terdapat beberapa alat yang pertukangan yang penting dalam pembuatan keris. Alat-alat tersebut ialah 'musang', andas, lepa, tukul, kikir, penyepit, penyepuh, penangi, jara sila, temin, dan arang. 'Musang' ialah alat yang paling penting dalam pertukangan besi. 'Musang' diperbuat daripada kayu dan berbentuk seperti tong panjang. Ini berfungsi untuk mengepam dan menghembuskan angin yang terperangkap masuk ke dalam saluran dapur.

'Musang' ini juga akan menentukan bekalan angin cukup diperolehi ketika kerja-kerja menempa besi. Ia dikenali sebagai 'kelubung' di Perak dan 'hembusan' di Kelantan. Andas merupakan landasan yang diperbuat daripada sekeping besi tebal berbentuk jongkong timah dan dilekatkan di atas seketul kayu yang tinggi. Ia digunakan sebagai tempat mengetuk, menitik dan menempa besi yang panas. Lepa adalah sejenis alat pemotong besi.

Bentuk matanya kelihatan seperti pahat yang disepitkan di antara dua keeping buluh dan diikat kemas-kemas. Tukul besi digunakan untuk mengetuk lepa pada besi panas. Ia digunakan untuk menempa alat-alat besi yang nipis

matanya. Manakala tukul putting berbentuk empat persegi digunakan untuk memasukkan puting parang ke dalam hulunya. Kikir ini mempunyai pelbagai saiz. Ianya digunakan untuk melicín dan menghaluskan mata senjata yang telah dibentuk. Penyepit digunakan untuk memegang besi yang panas semasa kerja-kerja menempa dijalankan.

Penyepuh ialah tong kayu yang berukuran 91.44sm panjang, 30.48sm lebar dan tinggi serta diisi dengan air. Digunakan untuk menyepuh alat-alat besi yang telah ditempa, diketuk dan dikikir supaya menjadi sejuk, tajam, kukuh dan tahan lama. Penangi ialah alat yang digunakan untuk membentuk temin supaya menjadi bulat dan sesuai dengan bentuk hulu. Jara Sila digunakan untuk membuat lubang pada hulu. Temin ini diperlukan untuk mengukuhkan kedudukan alat-alat besi di pangkal hulu. Temin diperolehi daripada pembelit pada tong kayu dan arang digunakan sebagai bahan api untuk membakar.¹⁰

¹⁰ http://www.kraftangan.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=203&Itemid=221&lang=ms

JENIS-JENIS KERIS



Contoh keris Semenanjung¹¹

Keris Semenanjung boleh dikatakan keris yang menjadi asas kepada segala bentuk keris yang berasal daripada Tanah Melayu. Rupa bentuk keris ini ringkas serta mudah dikenali. Hulunya menyerupai satu lembaga yang sedang tunduk dan berpeluk tubuh. Selain itu, hulu keris ini juga seringkali dihiasi dengan ukiran-ukiran mujarad dan adakalanya bermotifkan bunga. Sarung Keris Semenanjung ini mempunyai sampir bujur sangkar yang agak besar dan berbentuk segi empat. Sementara batangnya pula lebar, tidak begitu tirus dan mempunyai 'kasut' atau 'buntut' jalur bujur sangkar. Jika sarung atau sampir keris disalut perak, maka kasutnya akan berbentuk 'bulat tempurung'.

11 <http://images.google.com.my/images?hl=en&client=firefox-a&channel=s&rls=org.mozilla%3Aen-US%3Aofficial&um=1&sa=1&q=keris+semenanjung&btnG=Search+images&aq=f&oq=&start=0>



Contoh keris

Pekaka¹²

Keris Pekaka pula sejenis keris yang memiliki rupa bentuk hulunya yang menyerupai kepala burung Pekaka. Lazimnya, hulu keris ini diperbuat daripada kayu dan tanduk. Tetapi ada kalanya logam perak juga digunakan. Jika dikaji dan diperhatikan dengan teliti, kita akan dapati bahawa hulu keris ini juga jika sekali imbas kelihatan seperti salah satu watak dalam cerita wayang kulit. Mata keris ini biasanya lebih panjang daripada keris-keris lain dan bentuknya pula ada yang lurus dan ada yang berlok. Selain itu, keris ini juga dikenali sebagai keris 'Keris Ta Jong'.



Contoh keris Panjang¹³

12 <http://images.google.com.my/images?hl=en&client=firefox-a&channel=s&rls=org.mozilla%3Aen-US%3Aofficial&um=1&sa=1&q=keris+pekaka&btnG=Search+images&aq=f&oq=&start=0>

Keris Panjang pula keris yang mempunyai bentuk mata yang panjang dan tirus, ada yang lurus dan ada juga yang berlok. Hulu keris ini biasanya diperbuat daripada kayu atau tanduk dan berbentuk bengkok. Kebanyakan hulu Keris Panjang dihiasi dengan ukiran kembangan bunga pada bahagian hujungnya. Selain itu, ada juga hulu keris ini yang berasaskan kepada bentuk 'tapak kuda' dan 'kepala burung'. Sementara itu, sampirnya pula berbentuk jalur bulat seperti buah jering, dengan kedua-dua hujungnya tinggi dan tajam.



Contoh keris Bali¹⁴

Keris Bali biasanya mempunyai rupa bentuk yang besar dan panjang. Hulu keris ini diperbuat daripada kayu atau gading dan seringkali dihiasi dengan susunan permata yang berwarna-warni. Keris ini jarang menggunakan pendongkok dan hanya dilengkapi dengan sebarang cincin logam tebal yang dihiasi dengan permata. Lazimnya, sarung keris ini diperbuat daripada dua belah kayu yang dicantumkan ada adakalanya cantuman ini meliputi bahagian sampir serta bahagian batangnya yang berlainan.

13 <http://images.google.com.my/images?hl=en&client=firefox-a&channel=s&rls=org.mozilla%3Aen-US%3Aofficial&um=1&sa=1&q=keris+panjang&btnG=Search+images&aq=f&oq=&start=0>

14 <http://images.google.com.my/images?hl=en&client=firefox-a&channel=s&rls=org.mozilla%3Aen-US%3Aofficial&um=1&sa=1&q=keris+bali&btnG=Search+images&aq=f&oq=&start=0>



Contoh keris Madura¹⁵

Keris Madura pada lazimnya mempunyai rupa bentuk hulu yang dihias dengan ukiran bermotifkan bunga yang diperbuat daripada gading. Keris ini juga jarang dilengkapi dengan pendongkok dan hanya menggunakan sebetuk cincin logam yang dihiasi dengan permata. Sarung keris ini juga diperbuat daripada cantuman kayu dan adakalanya bahagian-bahagian sampir serta batangnya diperbuat daripada gading dan juga logam. Terdapat juga Keris Madura yang hulu dan pendongkoknya bertatahkan permata yang berwarna-warni. Mata keris jenis ini biasanya berkilat dan mempunyai pamur yang bercorak warna putih kelabu dan berlatarbelakangkan tanah yang berwarna kehitaman.



Contoh keris Jawa¹⁶

15 <http://images.google.com.my/images?hl=en&client=firefox-a&channel=s&rls=org.mozilla%3Aen-US%3Aofficial&um=1&sa=1&q=keris+madura&btnG=Search+images&aq=f&oq=&start=0>

Keris Jawa dapat dikenali berdasarkan rupa bentuk bahagian hulu dan sarungnya, terutamanya pada bahagian sampirnya. Hulu keris ini biasanya diperbuat daripada kayu dan berbentuk bengkok pada hujungnya dan adakalanya ia menyerupai bentuk Jawa Demam. Selain itu, hulu keris ini juga dilengkapi dengan sebarang cincin yang diletakkan pada bahagian bawah pendongkok dan dikenali sebagai 'selut'. Pada bahagian sarung keris ini pula, ukuran batangnya tidak begitu lebar tetapi tirus serta berbentuk bulat di bahagian pangkalnya.



Contoh keris Bugis¹⁷

Keris Bugis pula biasanya dikenali berdasarkan kepada rupa bentuk hulu, sampir dan buntutnya yang diperbuat daripada kayu atau gading. Sampir keris ini mempunyai bentuk yang hampir serupa dengan sampir Keris Semenanjung tetapi lebih bulat dan lebih tajam. Adakalanya hulu keris ini juga diukir dalam bentuk Jawa Demam, tetapi telah diubahsuai menjadi lebih ringkas. Identiti yang paling jelas bagi Keris Bugis ini ialah keadaan kasut atau buntutnya yang berbentuk mata kapak.

16 <http://nasron.files.wordpress.com/2007/10/keris-melayu.JPG>

17 <http://images.google.com.my/images?ndsp=18&hl=en&client=firefox-a&channel=s&rls=org.mozilla%3Aen-US%3Aofficial&um=1&sa=3&q=keris+bugis&btnG=Search+images>



Contoh keris Sundang¹⁸

Keris Sundang mempunyai rupa bentuk hulu, mata dan sarung yang berukuran lebih besar berbanding dengan jenis-jenis keris yang lain. Matanya, sama ada lurus atau berlok adalah lebih panjang, lebih tebal dan lebar. Hal ini adalah kerana keris ini digunakan untuk menetak atau mengibas dan bukannya untuk menikam. Hulu keris jenis ini biasanya diperbuat daripada gading atau kayu, berbentuk bulat dan panjang serta dihiasi dengan susunan simpai daripada tali atau logam. Terdapat juga hulu keris jenis ini mempunyai bentuk 'Kepala Burung Garuda' dan dihias dengan susunan logam perak. Keris ini juga dikenali sebagai Keris Sulok.

¹⁸ <http://images.google.com.my/images?hl=en&client=firefox-a&channel=s&rls=org.mozilla%3Aen-US%3Aofficial&um=1&sa=1&q=keris+sundang&btnG=Search+images&aq=f&oq=&start=0>

PERKEMBANGAN, PERANAN DAN PERUBAHAN



Masyarakat Melayu amat menebal dengan berbagai kepercayaan yang diwarisinya turun-temurun. Salah satu kepercayaan yang masih menjadi pegangan ialah keris mempunyai kuasa yang luar biasa. Kuasa dan keajaiban keris dipercayai berpunca daripada jenis besi yang digunakan dan pembuat keris itu sendiri. Contohnya keris Mataram (tahun 1600) dipercayai diperbuat menggunakan sembilan jenis besi yang didapati daripada sembilan tempat yang berlainan. Pembuatannya memakan masa sehingga 17 tahun kerana hanya sekali pukulan pada setiap Jumaat kerja penempaanya dijalankan. Setelah siap, keris berkenaan dikatakan memiliki kesaktian yang luar biasa.

Fungsi keris di Alam Melayu bukan sekadar alat mempertahankan diri atau digunakan dalam pertarungan. Keris adalah sebahagian daripada pemakaian penting seorang sultan atau raja Melayu sebagai lambang legitimasi kerajaan dan kedaulatan baginda (Utusan Malaysia, 7 November 1985). Ia juga digunakan sebagai pelengkap pakaian lelaki, azimat, pelindung diri dan rumah tangga, untuk memperoleh kekayaan, menundukkan manusia, jin dan haiwan, menolak bala, pelaris dagangan (Utusan Malaysia, 2 Mac 1996).

Keistimewaan keris dari segi fungsi dan peranannya boleh dibahagikan kepada dua, iaitu fungsi pada bentuk fizikal objek keris itu sendiri, dan fungsi penggunaannya. Menurut teori *functionalism*, penghasilan sesuatu budaya benda (termasuk keris) adalah berasaskan kepada keperluan fungsi sesuatu budaya benda berkenaan. Pada dasarnya, bentuk sesuatu budaya benda itu adalah juga dicipta berasaskan keperluan fungsinya (Norazit Selat, 1989)¹⁹. Teori *determinism* pula mengatakan, setiap kewujudan atau penciptaan adalah kerana sesuatu tujuan, sebab, atau hikmah tertentu. Kedua-dua teori ini saling berintegrasi dan berkoordinasi serta sangat relevan untuk dijadikan asas untuk membincangkan fungsi keris, sama ada dari segi bentuknya atau penggunaannya (Haji Hashim, 2004).²⁰ Berdasarkan kepada kedua teori ini, keris bukan sahaja dilihat dari aspek pertahanan tradisi, juga mencakupi aspek politik, sosiobudaya dan ekonomi.²¹

Jika hendak dibincangkan perkembangan, peranan, dan perubahan dari perspektif kebudayaan dan tamadun Melayu di alam Melayu, sememangnya banyak yang kita boleh lihat. Dalam perspektif kebudayaan di alam Melayu, keris

19 Norazit Selat, Dr.,(1989). *Konsep Asas Antropologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

20 Haji Hashim Haji Md Noor,(2004).*Keris: Peranannya dalam Masyarakat Melayu Brunei*, Brunei:Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

21 Haji Hashim Haji Md Noor,(2004).*Keris: Peranannya dalam Masyarakat Melayu Brunei*, Brunei:Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

berperanan dalam adat perkahwinan, pertabalan raja atau sultan, dan digunakan dalam kehidupan seharian sebagai senjata untuk mempertahankan diri. Namun pada hari ini, peranannya semakin meluas dan telah dipelbagaikan. Keris telah dijadikan sebagai bahan pameran dan tatapan oleh penggemar–penggemar keris pada hari ini. Keris juga telah dijadikan barangan komersial kerana terdapat banyak permintaan daripada pengumpul koleksi keris.

Dahulunya kebanyakan golongan lelaki masyarakat Melayu memiliki kepakaran dalam seni pembuatan keris. Hampir setiap orang menghasilkan keris untuk keperluan diri sendiri maka peranan keris sebagai barangan komersial agak kurang. Namun begitu, perkara yang sebaliknya berlaku pada masa ini di mana penempa keris agak kurang dan sukar dicari. Hal ini kerana hanya segelintir masyarakat yang masih berminat dalam seni penempaan keris dan masih memiliki peralatan yang lengkap untuk penempaan senjata ini.

Perkembangan peranan keris diantaranya meliputi spiritual atau keagamaan di mana keris merupakan lambang dan memiliki unsur spiritual yang dapat dilihat dari bentuk dapur dan pamornya. Keris dianggap sebagai pertemuan antara besi dan batu meteor sehingga merupakan satu gabungan yang dianggap menjadi dasar bersatunya hamba dan Tuhannya yang hingga saat ini masih dapat dilihat pada upacara-upacara kagamaan di Jawa dan Bali. Dari segi psikologi keris dipercayai memiliki kekuatan motivasi yang mempengaruhi perilaku. Keris merupakan sebuah aturan yang dapat dilihat, sehingga keris mampu mempengaruhi perilaku pemiliknya. Seseorang menjadi berani apabila memiliki keris.

Selain itu, dari segi politik, keris memiliki peranan dalam percaturan politik kerajaan-kerajaan di Nusantara. Sumber-sumber sejarah banyak menceritakan peranan keris dalam politik kerajaan. Begitu juga dalam Status Sosial, keris mewakili kedudukan dan status seseorang dalam masyarakat. Keris merupakan salah satu alat yang menentukan strata sosial dalam masyarakat. Hal ini dapat dilihat dari pemakaian keris tertentu.

Keris juga menjadi media komunikasi kerana keris mampu membawa muatan pesan yang dapat ditangkap isinya dalam sistem budaya masyarakat. Mengenakan keris dengan gaya tertentu dapat dilihat reaksinya. Dari segi magis, kekuatan magis yang terdapat pada keris masih diyakini oleh sebahagian masyarakat. Keris di nusantara terutama di Jawa diyakini memiliki kekuatan magis. Selain itu juga keris menjadi ukuran estetik & artistik dimana keris menjadi medium ekspresi kesenian. Keris diciptakan atas dasar kaedah-kaedah keindahan. Begitu juga dari segi ekonomi, keris diproduksi dan diperjualbelikan dari dulu hingga sekarang juga berperanan sebagai pelengkap busana tradisi.


Perkembangan peranan keris diatas diimbangi pula dengan perkembangan teknik-teknik yang mendukung pencapaian nilai dan fungsi yang dituju, sehingga memperkaya pula khazanah teknologi keris.²²

KESIMPULAN

Kesimpulannya, berdasarkan maklumat yang telah kita perolehi, dapatlah kita ketahui apa yang dikatakan tentang senjata warisan kita yang diberi nama keris. Walaupun secara nyatanya kita tidak menggunakan keris lagi pada masa kini, namun demikian, sebagai cara untuk mengekalkan tradisi kita dan meneruskan warisan yang telah diturunkan secara turun-temurun bagi yang bergelar masyarakat Melayu, kita haruslah memelihara sekurang-kurangnya sebilah keris kerana keris adalah sebahagian daripada warisan kita sejak berabad lamanya. Peranan keris telah mengalami perubahan yang ketara daripada zaman dahulu hingga kini. Walaupun telah mengalami perubahan peranan, keris tetap tidak luput daripada budaya masyarakat Melayu. Hal ini membuktikan bahawa keris mempunyai keistimewaan dan pengaruh yang tinggi dalam masyarakat melayu. Kita mestilah memainkan peranan agar keris tidak luput ditelan zaman kerana keris adalah identiti serta lambang masyarakat melayu.

22 <http://kerisologi.multiply.com/journal/item/4>

LAMPIRAN



Hulu keris atau pemegang keris, seringkali dilihat mempunyai ukiran padanya. Difahamkan bahawasanya sebelum kedatangan Islam di nusantara melayu, banyak seni ukir yang terdapat pada hulu keris berunsurkan gambar binatang seperti itik, burung; dan juga berunsurkan dewa-dewa yang dipercayai banyak mempengaruhi akal pemikiran orang orang dahulu.

Namun setelah kedatangan



Pamor

Pamor dalam dunia perkerisan memiliki 3 (tiga) macam pengertian. Yang pertama menyangkut bahan pembuatannya; misalnya: pamor meteorit, pamor Luwu, pamor nikel, dan pamor *sanak*. Pengertian yang kedua menyangkut soal bentuk gambaran atau pola bentuknya. Misalnya: pamor Ngulit Semangka, Beras Wutah, Ri Wader, Adeg, dan sebagainya. Ketiga, menyangkut soal teknik pembuatannya, misalnya: pamor *mlumah*, pamor *miring*, dan pamor *puntiran*.

Warangka keris: Dikenali juga sebagai sarung keris.

Sarung keris adalah tempat menyimpan keris supaya mata keris terselamat daripada sebarang kerosakan. Oleh itu ia boleh disifatkan sbg keselamatan bagi mata keris ketika ia tidak digunakan dalam menentang musuh. Hampir sepanjang masa, keris berada di dalam sarung keris

Kebanyakannya dibuat dari kayu yang berserat dan bertekstur indah. Namun di beberapa daerah ada juga warangka keris yang dibuat dari gading atau tanduk kerbau.

Luk

Istilah ini digunakan untuk bilah keris yang tidak lurus, tetapi berkelok atau berlekuk. Luk pada keris selalu gasal, tidak pernah genap. Hitungannya mulai dari luk tiga, sampai luk tigabelas. Itu keris yang normal. Jika luknya lebih dari 13, dianggap sebagai keris yang tidak normal, dan disebut keris *kalawijan* atau *palawijan*.



Keris Madura



Adat Perkahwinan



Keris Bugis



Keris Pekaka

BIBLIOGRAFI

- Hajah Saddiah Ramli,(2007).*Glosari Keris*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Haji Hashim Haji Md Noor,(2004).*Keris: Peranannya dalam Masyarakat Melayu Brunei*,
Brunei:Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- <http://cikgunasir.blogspot.com/2007/10/kehalusan-seni-pertukangan-tangan.html>
- <http://kerisologi.multiply.com/journal/item/4>
- http://www.kraftangan.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=203&Itemid=221&lang=ms
- Kamarul Baharin & Mohd Yusof Abdullah,(1999). Reformasi Keris.*Keris Darjat & Kudrat*,45-66.Selangor:Percetakan Asni Sdn Bhd.
- MasKumitir, (2008). “EmpuKeris” [Online]
[http://alangalangkumitir.wordpress.com/2008/07/24/empu-keris/Tanggal 15 April 2009](http://alangalangkumitir.wordpress.com/2008/07/24/empu-keris/Tanggal%2015%20April%202009).
- Norazit Selat, Dr.,(1989). *Konsep Asas Antropologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pudjadi Soekarno. (1997). “The Javanese Keris, A Brief Description” [Online]
<http://www.nikhef.nl/~tonvr/keris/keris2/keris01.html>, tanggal 7 Jun 2009.
- Shah Yub, D.*Mata, keris dan bentuknya*.Kuala Lumpur:Muzium Negara.
- Zaabar Yusof.(1999).Keris Dalam Perspektif Islam.*Keris Darjat & Kudrat*, 37 - 44.Selangor:Percetakan Asni Sdn Bhd.
- Zakaria Abdullah. (2007).*Rahsia keris dan senjata warisan Melayu*.Kota Bharu, Kelantan : D
Warisan Darul Naim.